

KPDNHEP Sri Aman beri jaminan bekalan harian mencukupi

Utusan Borneo (Sarawak) 25 Mar 2020

SRI AMAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sri Aman memberi jamin bahawa bekalan keperluan harian untuk masyarakat setempat mencukupi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Timbalan Ketua KPDNHEP Cawangan Sri Aman Dorcas Sidi berkata, setakat semalam semua bekalan keperluan harian seperti beras, gula, minyak masak, tepung, bawang dan sebagainya mencukupi.

“Tiada laporan mahupun aduan yang diterima daripada pengguna tentang kekurangan bekalan keperluan harian di Sri Aman setakat hari ini (semalam).

“Bagaimanapun, pihak kita memberi jaminan bahawa kesemua barangan keperluan harian adalah mencukupi sepanjang PKP dilaksanakan sejak 18 Mac yang lalu,” ujarinya ketika ditemui di pejabatnya dekat sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru pengguna di bandar ini tidak melakukan pembelian panik kerana bekalan makanan mencukupi untuk semua penduduk di bahagian ini.

“Pihak kita sentiasa melakukan pemantuan setiap masa untuk memastikan barang keperluan harian penduduk di sini mencukupi,” katanya.

Bagaimanapun katanya, peniaga turut diingatkan agar tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang sesuka hati dan melanggar peraturan ditetapkan kerajaan sepanjang tempoh PKP ini dilaksanakan.

Menyentuh mengenai permintaan tinggi bagi penutup mulut dan hidung serta cecair pembasmi kuman di sekitar bandar ini, Dorcas menjelaskan, kini masih menunggu stok baharu sampai dalam masa terdekat.

“Pihak kita menyeru agar masyarakat tidak terlalu panik dengan keadaan ini kerana bekalan topeng mulut dan hidung serta cecair pembasmi kuman adalah mencukupi untuk kita di sini,” tambahnya.

Sementara itu katanya, sekiranya pengguna ingin membuat sebarang aduan atau untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut boleh hubungi Pejabat KPDNHEP Cawangan Sri Aman di talian 083-323836 dan melalui laman sesawang Facebook KPDNHEP Cawangan Sri Aman.

“Terdapat banyak maklumat yang boleh diperolehi menerusi laman sesawang rasmi KPDNHEP Sri Aman ini di mana pengguna juga boleh membuat aduan dengan meninggalkan pesanan di laman sesawang kita atau menghubungi kita menerusi talian telefon,” ujarinya.

“Bilik Gerakan kami turut beroperasi setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad, mulai jam 8 pagi hingga 6 petang,” katanya.

<https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sarawak/20200325/281930250070180>